

**TAJUK PENYELIDIKAN:**  
**KAJIAN DOKUMENTASI ETNIK BAGI PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM**  
**PEMETAAN BUDAYA ETNIK NEGERI SABAH 2024-2025**

**GARIS PANDUAN TERMA DAN SYARAT LANTIKAN**

**1. LATAR BELAKANG KAJIAN**

Projek Pembangunan Sistem Pemetaan Budaya Bersepadu Negeri Sabah merupakan kesinambungan kepada inisiatif Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dalam memelihara dan memulihara sumber budaya terutamanya Projek Pemetaan Budaya Etnik Negeri Sabah 2021-2025 yang telah selesai pada tahun 2023.

Kajian dokumentasi budaya merupakan salah satu kompenan dalam projek ini. Tujuan utama projek ini dijalankan adalah untuk memulihara dan memelihara sumber budaya agar tidak hilang dan pupus. Selain itu, langkah ini merupakan tindakan proaktif untuk memastikan data-data atau informasi yang terdapat dalam kalangan informan terutamanya generasi tua (*Council of Elders*) direkodkan dan didokumentasikan.

**2. OBJEKTIF PENYELIDIKAN**

Objektif dokumentasi budaya ini termasuklah;

- i. Menghimpun maklumat dan fakta budaya etnik-etnik negeri Sabah.
- ii. Menghasilkan dokumentasi budaya selaras dengan usaha-usaha pemuliharaan, promosi dan pengayaan rujukan budaya tentang etnik-etnik Sabah.
- iii. Menyediakan bahan, data dan maklumat bagi pembangunan sistem pangkalan data Sistem Pemetaan Budaya Bersepadu Negeri Sabah dengan lebih sistematik dan teratur.

**3. SKOP PENYELIDIKAN**

**3.1 Skop Kerja Penyelidikan**

- i. Mendokumentasikan 19 aspek budaya etnik secara inventori
- ii. Mengumpul data lapangan
- iii. Merekod dan menyediakan laporan lapangan
- iv. Menyediakan draf akhir kajian (Berbentuk Bahan Akademik/Buku)

**3.2 Skop Tempat**

- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah (*Bergantung kepada ketetapan Jawatankuasa Kajian bersama persatuan/komuniti*)
- ii. Bergantung kepada senarai etnik yang dipilih untuk didokumentasikan

**3.3 Tempoh Masa**

- i. Sekurang-kurangnya 3-4 bulan (Kajian lapangan)
- ii. Pasca Penyelidikan termasuklah (Penulisan - Penilaian - Pembetulan - Penerbitan) \*6-12 bulan

#### 4. SYARAT KELAYAKAN

|                            |   |  |
|----------------------------|---|--|
| <b>Kelayakan Pemohon</b>   | : | Sekurang-kurangnya memiliki:-<br><b>IJAZAH SARJANA (MASTER)</b>  |
| <b>Bidang/Pengkhususan</b> |   | Ijazah sarjana dalam bidang sains sosial atau bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. |
| <b>Peruntukan lain</b>     |   | Memiliki pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang penyelidikan sains sosial, kerja lapangan, penulisan akademik, dan laporan projek.   |

#### 5. TALIAN PERHUBUNGAN

| No | Nama                  | Jawatan  | Perhubungan  |
|----|-----------------------|--|--|
| 1  | Puan Esmarida Ebos    | Pengurus,<br>Bahagian Penyelidikan<br>Lembaga kebudayaan<br>Negeri Sabah | No. Tel : 014-8528409<br><br>Alamat e-mel :<br><a href="mailto:Esmaridaebos90@gmail.com">Esmaridaebos90@gmail.com</a><br><br>e-mel Jabatan :<br><a href="mailto:penyelidikan.lkns@gmail.com">penyelidikan.lkns@gmail.com</a> |
| 2  | Hagin Danny Wilkerson | Staff Bahagian<br>Penyelidikan,<br>Unit Pembangunan<br>Kebudayaan        | No. Tel: 012-8447434<br><br>Alamat e-mel:<br><a href="mailto:hagindwilkerson@gmail.com">hagindwilkerson@gmail.com</a>  |

**“SABAH MAJU JAYA”**